



**BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Subjek	:	KEPERLUAN PENGEKSPORTAN MAKANAN
Topik	:	KOREA SELATAN: KEPERLUAN PENDAFTARAN PRODUK MAKANAN
Tanggungjawab	:	PENGILANG/ PENGEKSPORT

Mulai **3 Februari 2015**, Korea Selatan telah mengenakan keperluan pendaftaran produk bagi semua jenis makanan yang dieksport ke negara tersebut. Terdapat dua (2) jenis pendaftaran produk ke negara tersebut:

- i) bagi semua jenis produk makanan kecuali produk hasilan haiwan, pendaftaran produk perlu dilakukan oleh pengeksport melalui laman sesawang <https://impfood.mfds.go.kr/>
- ii) bagi produk hasilan haiwan, pendaftaran produk adalah melalui *Competent Authority* (Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Malaysia.

Disamping itu, bagi pendaftaran produk hasilan haiwan, Korea Selatan telah mengenakan keperluan premis pemprosesan melaksanakan *Hazard Analysis Critical Control Point* (HACCP). Oleh itu, bagi tujuan pendaftaran produk hasilan haiwan melalui KKM, dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan kepada Bahagian ini adalah seperti berikut:

- i) borang pendaftaran
- ii) *HACCP implementation dan verification checklist* bagi audit yang dijalankan oleh KKM
- iii) Carta alir proses
- iv) *HACCP summary plan*

Pihak premis pemprosesan dan pengeksport perlu membuat permohonan pendaftaran produk dan permohonan Sijil Kesihatan seperti berikut:

- i) Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (pendaftaran produk)
- ii) Jabatan Kesihatan Negeri atau Pejabat Kesihatan Daerah / Bahagian/Kawasan (permohonan Sijil Kesihatan)

Lampiran berkaitan:

Borang pendaftaran pendaftaran produk ke Korea Selatan

Disediakan oleh	:	Cawangan Eksport, Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia
-----------------	---	---